



**Kedah**  
Malaysia  
where it all began

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ قَدْ حَذَّرَ الْمُؤْمِنُونَ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010  
Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910  
04-774 4643/ 04-733 8717  
E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Ruj Tuan :  
Ruj Kami : P.Kw.N.(K)1521 Jld. 3 (13)  
Tarikh : 14 Syaaban 1441H  
08 April 2020

**Semua Pegawai Pengawal  
Jabatan Kerajaan Negeri**

YB. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BIL. 3 TAHUN 2020**  
**Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan  
Pembangunan Tahun 2021 Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman**

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah akan menyediakan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Jabatan-Jabatan Negeri Bagi Tahun 2021.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini diedarkan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil. 3 Tahun 2020** yang mengandungi garis panduan bagi penyediaan anggaran perbelanjaan tahun 2020 yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan oleh pihak YB. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg./Dato'/Tuan/Puan.

3. Kerjasama serta perhatian dari pihak YB. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg./Dato'/Tuan/Puan dalam perlaksanaan pekeliling ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KEDAH AMAN MAKMUR - HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”**

Saya yang menjalankan amanah,

(NOOR SHAADAH BINTI AHMAD, AMK., BCK.)  
KETUA PENOLONG PEGAWAI KEWANGAN NEGERI (BELANJAWAN)  
B.P. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
KEDAH DARUL AMAN





Kepada  
Semua Pegawai Pengawal  
Negeri Kedah Darul Aman

## **PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 3 TAHUN 2020**

### **GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021 KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan pembangunan jabatan-jabatan negeri bagi tahun 2021. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan cadangan perbelanjaan disediakan mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam pekeliling ini.

#### **2.0 SENARIO EKONOMI**

- 2.1 Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2019 terkesan dengan ketidakpastian ekonomi global berkaitan konflik perdagangan Amerika Syarikat dan China yang menyaksikan KDNK paling rendah pada 4.3%.
- 2.2 Suku Pertama tahun 2020 menyaksikan cabaran lebih besar kepada ekonomi Negara dengan penularan COVID-19 yang telah menjelaskan ekonomi serantau tidak hanya Malaysia. Sektor yang terjejas terutamanya adalah sektor pelancongan dan sektor pembuatan. Keadaan ini juga dilihat akan memberikan impak kepada KDNK negeri Kedah pada tahun 2020.
- 2.3 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan kerajaan telah menyebabkan terdapat projek-projek yang dirancang pada tahun 2020 terpaksa dilewatakan pelaksanaannya dan terdapat juga projek yang terpaksa ditangguhkan. Keadaan ini menyebabkan berlaku keadaan dimana peruntukan yang telah diluluskan tidak dapat dibelanjakan pada tahun semasa.

### **3.0 STRATEGI BAJET 2021**

- 3.1 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) Negeri Kedah 2021-2025 adalah berteraskan kepada **Pelan Pembangunan Kedah 2035**. Pelan ini adalah memfokuskan kepada pembangunan berasaskan kepada potensi / kekuatan disetiap Daerah dengan teras pembangunan adalah kepada Sektor Perkhidmatan, Sektor Pembuatan dan Sektor Pertanian.
- 3.2 Projek Zon Ekonomi Sempadan Khas di Bukit Kayu Hitam (SBEZ), Projek Taman Sains dan Teknologi Kedah (KSTP) dan ‘*Kedah Rubber City*’ (KRC), telah mula dilaksanakan pada tahun 2020. Projek ikonik ini akan memberikan impak pembangunan kepada kawasan setempat dan limpahan pembangunan dijangkakan kepada daerah bersempadan.
- 3.3 Perancangan pembangunan Jabatan hendaklah mengambilkira projek yang dapat memberikan sokongan kepada pembangunan projek-projek ikonik negeri.
- 3.4 Dalam penyediaan Bajet 2021 Jabatan hendaklah memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut :
  - 3.4.1 Meningkatkan pembangunan projek infrastruktur berkualiti yang menyokong pembangunan ekonomi Negeri.
  - 3.4.2 Pembangunan yang meningkatkan pengeluaran bekalan makanan dan pembangunan agro Negeri.
  - 3.4.3 Meningkatkan infrastruktur kemudahan awam secara menyeluruh di kawasan luar bandar.
  - 3.4.4 Menambahbaik dan pemulihan serta pemuliharaan kawasan pelancongan dan eco-pelancongan.
  - 3.4.5 Perancangan projek adalah mengambilkira kelestarian alam sekitar dan pemuliharaan sumber.
  - 3.4.6 Projek-projek yang menyumbang kepada pembangunan modal insan.

## **4.0 PENYEDIAAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021**

- 4.1 Tahun 2021 adalah merupakan tahun pertama RMK-12. Perancangan perbelanjaan peruntukan hendaklah dibuat secara terancang dan mengambilkira tempoh pelaksanaan sehingga tempoh akhir RMK-12. Projek sambungan dari RM-11 yang tidak dapat disempurnakan dalam tempoh RMK-11 hendaklah diambilkira sebagai sebahagian dari perancangan RMK-12.
- 4.2 Pecahan peruntukan hendaklah mengambilkira pembangunan secara menyeluruh dan seimbang melibatkan Daerah dan DUN.
- 4.3 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dipohon telah mengambilkira keupayaan melaksana oleh semua pihak berkenaan berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut. Bagi tujuan ini, agensi hendaklah menyediakan jadual kerja bagi setiap projek dengan menyenaraikan semua aktiviti dan tempoh siap serta peruntukan kewangan yang diperlukan untuk setiap peringkat aktiviti.
- 4.4 Peruntukan untuk projek-projek baru akan hanya dipertimbangkan di dalam keadaan berikut :-
  - i. Perancangan untuk projek tersebut telah siap dan sedia untuk dilaksanakan.
  - ii. Pengambilan tanah telah selesai.
  - iii. Tapak pembinaan bebas dari masalah setinggan.
  - iv. Jabatan bukan teknikal hendaklah merujuk kepada Jabatan Kerja Raya bagi tujuan pelaksanaan dan jadual perancangan kerja.
- 4.5 Pegawai Pengawal mesti menyediakan peruntukan ‘token’ RM 10.00 sahaja bagi projek-projek baru yang akan dilaksanakan yang mana urusan pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah dan kajian kemungkinan projek belum dimuktamadkan.
- 4.6 Pengambilan balik tanah yang melibatkan projek Kerajaan Negeri sahaja boleh dimasukkan dalam Anggaran Belanjawan 2021. Bagi projek-projek di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Tempatan atau Badan-badan Berkanun atau Agensi Kerajaan lain, cadangan hendaklah dikemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk menyediakan anggaran perbelanjaannya sendiri.

- 4.7 Bagi Projek pembangunan yang tempoh perlaksanaannya melebihi satu tahun, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan sebenar yang diperlukan bagi tahun 2021 manakala bakinya dipohon pada tahun-tahun berikutnya.
- 4.8 Bagi projek yang sedang berjalan dan tempoh perlaksanaan melebihi satu tahun dan memerlukan peruntukan seterusnya, permohonan cadangan perbelanjaan hendaklah disokong dengan justifikasi yang jelas dan tahap kemajuan perlaksanaan projek berkenaan.
- 4.9 **Penyediaan cadangan perbelanjaan pembangunan hendaklah menggunakan format-format yang disediakan.** Cadangan perbelanjaan yang dikemukakan hendaklah disokong dengan justifikasi yang jelas. Perancangan perbelanjaan hendaklah ‘realistic’ dan mengambil kira kemampuan pelaksanaan dalam tahun perbelanjaan yang dicadangkan untuk mengelakkan ‘*shortfall*’.

## 5.0 PENYAMPAIAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN 2021

- 5.1 Bagi Perbelanjaan Pembangunan, cadangan perbelanjaan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Format ABP 1 dan ABP 2**.
- 5.2 Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan hendaklah **disediakan dalam DUA (2) NASKAH** mengikut format yang ditetapkan. ‘Softcopy’ cadangan anggaran perbelanjaan pembangunan hendaklah email kepada [belanjawankedah@kedah.gov.my](mailto:belanjawankedah@kedah.gov.my)
- 5.3 Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2021 dengan menggunakan format yang ditetapkan di atas **hendaklah dikemukakan ke Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah tidak lewat pada 31 MEI 2020 (Ahad)**.
- 5.4 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Cadangan Anggaran Perbelanjaan yang dikemukakan adalah **MUKTAMAD**. Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri **AKAN MENOLAK** sebarang pindaan atau penambahan ke atas cadangan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut.

## 6.0 PENUTUP


- 6.1 Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat dan penjelasan lanjut bolehlah menghubungi Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan) atau Ketua Unit Belanjawan, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman.
- 6.2 Pekeliling dan senarai Lampiran boleh dimuat turun di laman sesawang <http://ppnk.kedah.gov.my>

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS., SDK., AMK., BCK.)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman.

Tarikh : **10 APR 2020**

s.k : Yang Berhormat  
Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

Bendahari Negeri Kedah Darul Aman

Pengarah Jabatan Audit Negeri Kedah Darul Aman